

Lombong belakang sekolah terbiar, kotor



BARU-BARU ini saya ke Sekolah Kebangsaan Seri Murni di Selayang bagi menguruskan urusan persekolahan anak. Namun, saya hairan apabila terdapat sebuah lombong di belakang sekolah

itu yang agak kotor selain tebing ditumbuhialang.

Saya difahamkan bekas lombong itu dikatakan bakal dijadikan taman rekreasi, namun sejak tahun lalu keadaan terbiar dengan rumput yang panjang dan semakin kotor.

Apa yang membimbangkan, ia mengundang pelbagai permasalahan lain serta binatang liar sedangkan ia berhampiran rumah penduduk.

GHANI
Selayang

>TERIMA kasih aduan yang dikemukakan, Dewan

Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memandang serius perkara itu. Justeru, pihak kami akan mengajukan perkara itu kepada bahagian jabatan berkaitan.

Kami perlu menyiasat status tasik berkenaan dan jika ia masih di bawah DBKL pastinya kerja pembersihan kawasan sentiasa dilakukan dan jika berlaku sebaliknya mungkin ia tanggungjawab pihak perendirian.

DR ISMAIL STAPA
Pengurus Perancangan
Korporat DBKL